

# HUBUNGAN ANTARA JENIS KOMUNIKASI DAN GAYA ASUHAN IBU BAPA TERHADAP TINGKAH LAKU DEVIAN REMAJA: KAJIAN LITERATUR

Ali Hafizar Mohamad Rawi<sup>1</sup>, Norida Abdullah<sup>2</sup>,  
Siti Nurul Suhada Shamshul Al Kamal<sup>3</sup>

<sup>1,2</sup> Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka,  
Melaka, Malaysia.

<sup>3</sup>Jabatan Kebajikan Masyarakat, Daerah Temerloh, Pahang, Malaysia.

Emel: alihafizar@utem.edu.my, noridaha@utem.edu.my,  
sitinurulsuhada@jkm.gov.my

## ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauhmanakah komunikasi ibu bapa dan gaya keibubapaan mempengaruhi tingkah laku devian dalam kalangan remaja yang pernah terlibat jenayah di beberapa daerah di negeri Pahang. Sampel kajian terdiri daripada 150 remaja yang akan dipilih secara persampelan bertujuan dari Bengkel Interaktif yang dikenal pasti dan yang dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah di Negeri Pahang Darul Makmur. Instrumen kajian yang akan digunakan adalah berbentuk soal selidik bagi mengukur tahap komunikasi, gaya asuhan ibubapa dan tahap berisiko remaja. Instrumen-instrumen tersebut ialah, Instrument Family Communication Patterns (oleh Ritchie dan Fitzpatrick -1990) yang mempunyai pekali kebolehpercayaan 0.75, Instrumen Corak Gaya Asuhan Ibubapa Terhadap Remaja (adaptasi daripada Paulson's Perception of Parenting Scale-1994) yang mempunyai pekali kebolehpercayaan 0.614, dan Instrument Kekerapan Tingkah Laku Devian Remaja (terjemahan daripada soal selidik Delinquency Scale oleh Junger – 1997) yang mempunyai pekali kebolehpercayaan 0.923 berdasarkan pada kajian-kajian lepas. Analisis deskriptif akan digunakan untuk menganalisis kekerapan, min dan sisihan piawai. Ujian-t pula akan digunakan untuk menguji perbezaan antara jantina dan tingkah laku devian remaja. Manakala pekali korelasi Pearson ( $r$ ) digunakan untuk mengukur hubungan gaya keibubapaan dengan tingkah laku devian remaja.*

**KATA KUNCI:** jenis komunikasi, gaya keibubapaan, tingkah laku devian, remaja

**ABSTRACT**

*This research is intended at looking into how far parent's communication and parenting style will affect children's deviant behaviour among teenagers who has criminal records in few districts, in the state of Pahang. Samples involved 150 teenagers who are chosen using purposive sampling from an Interactive Workshop that have been identified and organized by Welfare Department in Pahang. Research instrument used in the study is survey which intends at measuring communication level, parenting style, teenager's risk level. The instruments are Family Communication Patterns Instruments by Ritchie and Fitzpatrick 1990 which has the reliability coefficient of 0.75, Parent's Parenting Style Towards Teenagers Instrument ( adapted from Paulson's Perception of Parenting Scale 1994) with reliability coefficient of 0.614 and Teenager's Deviant Behaviour Instrument ( Translated from Junger's Delinquency Survey 1997) with the reliability coefficient of 0.923 based on previous surveys. Descriptive analysis will be used to analyse frequency, mean and standard deviation. T-test however will be used to test the difference in terms of gender and teenager's deviant behaviour. On the other hand, Pearson correlation coefficient is used to measure relation between parenting style and teenager's deviant behaviour.*

**KEYWORDS:** *type of communication, parenting style, deviant behaviour, teenagers*

**1.0 PENGENALAN**

Fenomena tingkah laku devian remaja sudah lama diperkatakan dalam masyarakat Malaysia hingga menimbulkan pelbagai persoalan. Pelbagai pandangan dan kajian dijalankan untuk melihat dengan lebih tepat faktor dan pembolehubah yang menyumbang kepada peningkatan tingkah laku devian dalam kalangan remaja. Laporan yang dikeluarkan oleh Sektor Pembangunan Kemanusiaan Unit Hal Ehwal Murid, Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) sepuluh jenis tingkah laku jenayah dalam kalangan murid menengah dan rendah ialah berunsur jenayah, berunsur kelucahan, kekemasan diri, tidak pentingkan masa, kurang sopan, laku musnah, ponteng sekolah, kenakalan, buli dan menghisap rokok.

Pendedahan yang dibuat oleh Utusan Malaysia bertarikh 1 April 2013 berkaitan kes buli memaparkan seorang remaja berpakaian seragam sekolah telah dibelasah sekumpulan remaja lain di sekolah yang sama di sebuah bilik. Laporan Sinar Harian pada 8 Julai 2014, dua remaja yang masih bersekolah berusia 16 dan 17 tahun berlagak samseng melakukan samun bersama empat

lagi rakan mereka di sekitar Puchong. Harian Metro bertarikh 31 Mei 2016, di Johor Bahru penjualan dadah dalam kalangan murid sekolah dengan bermodus operandi menggunakan aplikasi WeChat dengan memaparkan gambar perempuan seksi dengan ubat serta jarum suntikan pada gambar profil aplikasi sosial. Laporan-laporan akhbar yang dipaparkan menunjukkan betapa kritikalnya keadaan remaja di Malaysia masa kini yang dikaitkan dengan tingkah laku yang melanggar norma masyarakat sehingga ke tahap jenayah.

Fenomena ini memberikan suatu petunjuk kepada keperluan melihat secara lebih mendalam dalam menyelesaikan kemelut ini. Remaja sentiasa memerlukan bimbingan, panduan dan pendidikan yang baik bermula di rumah dan persekitaran. Orang dewasa perlu menunjukkan contoh yang baik. Alam remaja merupakan satu tahap kritikal dalam kehidupan manusia yang mana pada peringkat ini seseorang itu akan mula bertindak balas kepada tuntutan emosi untuk mencari identiti dan penampilan tersendiri. Ahli psikologi mengistilahkan alam remaja sebagai 'umur emosi' (emotional age) kerana di peringkat mencari identiti, mereka sering berhadapan dengan konflik diri yang mana wujud dua pertembungan iaitu antara sifat kanak-kanak dan keinginan serta kebimbangan untuk menempuhi alam dewasa

Menurut Mahmood Nazar Muhammad (1993) tingkah laku devian dalam kalangan remaja disebabkan oleh konflik dan tekanan psikologikal yang mana mereka gagal melihat keluarga adalah satu persekitaran yang sihat dan boleh memberikan rasa seronok kepada mereka. Gaya asuhan ibu bapa merupakan suatu faktor yang memberi kesan kepada tingkah laku devian remaja. Menurut Hammer & Turner (1996) interaksi antara anak dan ibu bapa merupakan suatu proses interaksi yang saling mempengaruhi antara satu sama lain. Interaksi ibu bapa dan anak mempengaruhi perkembangan anak dari segi fizikal, sosial, emosi dan intelek. Kajian Bandura dan Walters (1959) mendapati remaja delinkuen dan agresif berasal daripada keluarga yang mengamalkan corak disiplin yang terlalu ketat.

Ibu bapa memainkan peranan untuk menentukan pola-pola tingkah laku anak yang mempunyai kesan ke atas pembentukan personaliti, motivasi dan pencapaian akademik anak-anak. Namun salah satu faktor yang menjadi penyumbang kepada salah laku anak / pelajar ialah nilai kekeluargaan yang

semakin pudar dan rapuh dalam kalangan masyarakat kita hari ini. Nilai kekeluargaan ini amat penting untuk pembesaran dan perkembangan emosi kanak-kanak. Perubahan cara hidup hari ini menyebabkan ibu bapa terpaksa membiarkan anak-anak membesar di tangan orang lain tanpa perhatian yang sewajarnya. Walaupun pelbagai peraturan dan disiplin telah ditetapkan oleh pihak sekolah, namun perbuatan salah laku pelajar tetap berlaku. Antara masalah yang begitu ketara ialah berkaitan dengan tingkah laku devian dan delinkuen dalam kalangan pelajar remaja. Penekanan terhadap pengetahuan keibubapaan baik berupa aspek asuhan, pemeliharaan, perlindungan dan bimbingan secara tepat dilihat mampu membantu pertumbuhan tingkah laku remaja yang positif.

### **1.1 Pernyataan Masalah**

Kajian-kajian yang pernah dijalankan menunjukkan beberapa faktor seperti keluarga dan persekitaran mempengaruhi tingkah laku devian remaja. Keluarga merupakan satu-satunya institusi sosial yang dapat membentuk tingkah laku dan dapat mengarahkan aktiviti sosial yang sesuai mengikut perkembangan anak-anak (Buerah, Shanah dan Hamimah, 2015). Kajian oleh Lowe (1993), Stern dan Smith (1995) untuk mengetahui gaya asuhan yang telah dilalui oleh pesalah juvana dan mendapati bahawa sebahagian besar subjek kajian memperoleh corak gaya asuhan yang bersifat penolakan daripada ibu bapa mereka. Keadaan ini menyebabkan remaja terabai dan terjebak dengan delinkuensi kerana tidak mendapat perhatian dan sokongan daripada kedua ibu bapa mereka.

Menurut Ummu Hany Almasitoh (2012), sebuah keluarga merupakan suatu sistem sosial yang berlaku penyusunan dari segi aturan, peranan, struktur kekuasaan, bentuk komunikasi, cara perbincangan penyelesaian masalah sehingga dapat dilaksanakan pelbagai kegiatan bersama dengan lebih efektif. Kajian yang telah dijalankan oleh Abdullah Al Hadi (1993) mendapati bahawa kawalan dan pengawasan ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam menghalang atau mencegah pelajar dari terlibat dengan gejala sosial.

Jelaslah beberapa kajian menunjukkan bahawa ibu bapa yang matang dan sihat psikologinya akan menggalakkan perkembangan psikologi yang baik dalam mengasuh anak mereka. Ibu bapa yang positif akan cenderung menggunakan bentuk komunikasi yang berkesan dengan anak mereka.

Oleh yang demikian, kajian ini cuba memfokuskan kepada sejauhmanakah komunikasi ibubapa dan gaya asuhan mempengaruhi tingkah laku remaja dan seterusnya membawa kepada tingkah laku devian dalam kalangan remaja yang terpilih, yang terlibat dalam tingkah laku jenayah. Selain itu, komunikasi yang bagaimana membantu remaja bertingkah laku positif. Kajian ini juga turut meninjau adakah gaya keibubapaan mencorak gaya tingkah laku anak-anak menjadi pasif, agresif atau asertif.

## **1.2 Objektif Kajian**

1. Mengetahui pasti jenis-jenis gaya asuhan (authoritarian, autoritatif dan permisif) ibu bapa remaja devian.
2. Mengetahui pasti jenis komunikasi ibu bapa terhadap remaja devian.
3. Mengetahui pasti hubungan gaya asuhan ibu bapa dan jenis komunikasi remaja devian.

## **1.3 Persoalan Kajian**

1. Adakah jenis-jenis gaya asuhan (authoritarian, autoritatif dan permisif) ibu bapa menyebabkan remaja bertingkah laku devian?
2. Adakah tahap komunikasi ibu bapa (tahap tinggi atau tahap rendah) menyebabkan tingkah laku devian remaja?
3. Adakah terdapat hubungan antara tahap komunikasi dan gaya asuhan ibu bapa terhadap tingkah laku devian remaja?


## **1.4 Hipotesis Kajian**

Ho 1 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara corak gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja.

Ho 2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap komunikasi ibu bapa (tahap tinggi atau rendah) terhadap tingkah laku devian remaja.

Ho3 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap komunikasi dengan gaya asuhan ibu bapa terhadap tingkah laku devian remaja.

### 1.5 Kerangka Teori



Rajah 1: Pengaruh tiga unsur dalam pembelajaran sosial

Dalam kajian ini, teori kognitif sosial yang dikembangkan oleh Albert Bandura dirujuk sebagai model kajian. Berdasarkan teori ini, pembelajaran sosial melibatkan hubungan pengaruh tiga unsur iaitu persekitaran, individu (kognitif) dan tingkah laku. Faktor-faktor tersebut saling berinteraksi dan mempengaruhi pembelajaran. Manusia dilihat mempunyai keupayaan berfikir dan mengatur tingkah lakunya sendiri dan banyak aspek keperibadian melibatkan interaksi individu dengan individu yang lain. Personaliti dilihat sebagai sejumlah keseluruhan tingkah laku yang dipelajari serta menekankan bahawa manusia memainkan peranan yang aktif dalam menentukan tindakannya sendiri dan tidak semestinya bertindak secara pasif akibat pengaruh persekitaran dan menekankan kepentingan kognitif dalam personaliti.



Rajah 2: Prinsip teori Erikson

Teori kedua yang diketengahkan ialah teori psikososial Erik Erikson yang menyatakan perkembangan manusia lebih menjurus kepada perkembangan identiti. Menurut Erikson, pada setiap perkembangan individu terdapat dua komponen iaitu komponen bersifat positif dan bersifat negatif. Perubahan dari satu peringkat ke peringkat selanjutnya ditandai oleh krisis yang dialami oleh individu itu dan setiap peringkat mempunyai krisis nya sendiri, jika seseorang gagal menangani krisis tersebut maka ianya memberi kesan yang negatif sekali gus menyekat perkembangannya ke peringkat kehidupan seterusnya.

Menurut Badrolzaman (2006), ibu bapa, rakan, guru dan orang yang signifikan dengan remaja mempunyai pengaruh yang kuat dalam pembentukan identiti remaja. Remaja pada ketika ini berusaha untuk menyelesaikan krisis identiti mereka dengan menguj pelbagai peranan, nilai dan perhubungan. Remaja yang gagal menangani pembentukan identiti yang selari dengan masyarakat akan mengalami kekeliruan dan kekecewaan. Tingkah laku devian yang berlaku pada peringkat ini disebabkan remaja gagal membuat penilaian baik buruk dalam tindakan mereka. Dalam kajian ini kedua-dua teori di atas adalah berkaitan dan akan digunakan sebagai rujukan utama dalam pembentukan identiti remaja.

## **2.0 KAJIAN LITERATUR**

Terdapat pelbagai kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang berkaitan dengan gaya asuhan ibu bapa dan kesannya pada remaja. Kajian oleh Nur Fatin, Muhamad Adib dan Fatimah (2015) mendapati ibu bapa perlu menyesuaikan gaya asuhan dan kemahiran yang dimiliki setara dengan fungsi, struktur dan saiz keluarga bagi menjamin kesejahteraan setiap ahli keluarga. Kajian-kajian lain mendapati penglibatan ibu bapa juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan pendidikan anak ( Pavalache & Tirdia, 2015), personaliti ibu bapa mempunyai hubungan yang signifikan dengan peramal tingkah laku anak (Prinzie et. al, 2012) dan gaya keibubapaan memberi kesan psikologikal kepada personaliti anak (Matejevic, Todovic & Bragana, 2014).

Sementara kajian yang dijalankan oleh Che Hasniza dan Fatimah (2011), melihat kepada tahap komunikasi rendah, sederhana atau tinggi terhadap ibu bapa yang mempunyai sosioekonomi dan tahap akademik yang rendah.

Dalam kajian ini, tumpuan diberikan kepada dua bentuk orientasi komunikasi iaitu orientasi perbualan dan orientasi konformiti. Sampel kajian terdiri daripada 435 pelajar, 300 ibu dan 277 bapa dan kajian ini dijalankan dengan memilih pelajar di sekolah-sekolah bagi mewakili anak dan seterusnya melibatkan ibu bapa pelajar yang terpilih. Dapatan kajian menunjukkan responden mengamalkan kedua-dua bentuk orientasi komunikasi perbualan dan konformiti pada tahap sederhana.

Bentuk kefungsiian keluarga dan dimensi gaya keibubapaan memainkan peranan yang penting dalam mendidik anak-anak. Gaya authoritarian yang diamalkan oleh ibu bapa seperti kawalan yang tinggi, rigid dan terlalu memberi perhatian akan memberi kesan psikologi kepada anak seperti memberontak, pendendam, dan kurang bermotivasi (Matejevic, Todovic & Braga, 2014). Anak-anak juga akan mengikut model tingkah laku yang ditunjukkan oleh ibu bapa.

Sekiranya ibu bapa mempamerkan model tingkah laku yang negatif akan menjadi ikuti pada anak-anak, sebaliknya jika ibu bapa mempamerkan tingkah laku positif seperti ibu bapa yang saling hormat menghormati, bertanggungjawab serta saling mengucapkan terima kasih, ianya juga akan menjadi ikuti pada anak-anak (H.M Abdullah, 1993).

Menurut kajian Clark dan Shields (1997), komunikasi antara ibu bapa dan anak yang baik, suasana yang tenteram dan beberapa ciri asuhan autoritatif yang baik akan menghasilkan remaja yang bersikap positif. Sementara galakan dan didikan daripada ibu bapa yang mempunyai sikap ingin mengambil tahu tentang anak-anak dan cita-cita mereka serta mengwujudkan keselesaan belajar di rumah, akan memotivasikan anak-anak dan memberi kesan yang positif kepada mereka (Siti Nurshahizan, 2014). Bagi gaya ibu bapa yang authoritarian menggambarkan ciri-ciri kesan negatif terhadap konsep sendiri remaja kerana remaja akan mempunyai kemahiran sosial yang lemah, menjadi individu yang terlalu agresif dalam keluarga dan mempunyai risiko yang tinggi dalam menghadapi kesukaran dalam penyesuaian sendiri (Bee dan Boyd, 2002).


Kajian lain juga mendapati kanak-kanak yang dibesarkan oleh ibu bapa yang permisif cenderung bersifat tidak dapat mengawal diri, impulsif,



kurang berdikari dan kurang menjelajah. Anak-anak mereka sentiasa tidak berminat dalam segala aktiviti, bertingkah laku menolak dan selalu merasa kekurangan dari semua aspek kefungsiian psikologi. Walau bagaimanapun, mereka lebih gembira dan cepat sembuh daripada sesuatu tekanan atau pun krisis berbanding kanak-kanak yang dibesarkan secara autokratik (Baumrind, 1989). Kajian oleh Mitchell (1989) dan D'Angelo dan rakan-rakan (1995) menunjukkan kekurangan perhatian dari bapa memainkan peranan dalam pembentukan tingkah laku anti sosial. Kajian juga menunjukkan remaja yang bertingkah laku anti sosial biasanya kurang diberi perhatian oleh keluarga mereka (Dornbusch *et al.*, 1985; Forgatch, *et al.*, 1994; Patterson, 1989; Steinberg, *et al.*, 2001). Justeru itu kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara jenis komunikasi dan gaya asuhan ibu bapa terhadap tingkah laku anak-anak.

## 2.1 Kerangka Kajian

Kerangka kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji adalah seperti Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Hubungan antara jenis komunikasi, gaya keibubapaan dan tingkah laku devian remaja

### **3.0 METODOLOGI**

#### **3.1 Populasi dan Sampel Kajian**

Dalam kajian ini populasi adalah seramai 240 remaja yang pernah terlibat dengan jenayah dan merupakan klien yang diarahkan oleh mahkamah untuk mengikuti Bengkel Interaktif anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang. Sementara sampel kajian pula adalah sekurang-kurangnya memerlukan seramai 148 orang dengan merujuk kepada formula Krejcie dan Morgan (1970). Oleh yang demikian, cadangan sampel kajian antara 150 hingga 200 orang adalah memenuhi saiz persampelan yang akan dijalankan dalam kajian ini.

#### **3.2 Reka Bentuk Kajian dan Instrumen Kajian**

Kajian ini akan menggunakan pendekatan kuantitatif untuk memenuhi objektif kajian. Data diperolehi dengan menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada responden yang terpilih. Terdapat tiga instrumen yang akan digunakan iaitu;

i) Instrumen Family Communication Patterns yang mana 15 item bagi mengukur percakapan orientasi (conversation-orientation) yang mempunyai pekali kebolehpercayaan 0.75 dan 11 item bagi mengukur kesesuaian-orientasi (conformity-orientation) dengan pekali kebolehpercayaan 0.87.

ii) Instrumen Corak Gaya Asuhan Ibu bapa Terhadap Remaja diadaptasi dari "Paulson's Perception of Parenting Scale" yang telah dibangunkan oleh Paulson (1994). Soal selidik ini mempunyai 20 soalan dan tiga subskala iaitu gaya asuhan authoritarian, gaya asuhan autoritatif dan gaya asuhan permisif. Kebolehpercayaan alat kajian ini adalah 0.6143 berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Badruzaman (2006).

iii) Instrumen Kekerapan Tingkah Laku Devian Remaja adalah merupakan terjemahan daripada soal selidik 'Delinquency Scale' oleh Junger (1997). Soal selidik ini bertujuan untuk mengukur kekerapan tingkah laku devian pelajar yang mengandungi 37 item dan dibahagikan kepada kelangsangan fizikal, verbal, seksual dan anti-sosial. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Badruzaman (2006), keputusan analisis nilai kebolehpercayaan kajian adalah 0.9275. Ini menunjukkan soal selidik ini mempunyai kekuatan reabiliti yang mencukupi.

### **3.4 Proses Pengumpulan Data dan Analisis Data**

Proses pengumpulan data pula adalah menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada remaja yang akan mengikuti Bengkel Interaktif anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang dan juga sesi temu bual bersama ibu bapa yang terlibat. Kebenaran menjalankan kajian akan diperolehi daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, seterusnya penyelidik akan mengedarkan soal selidik, memberi penerangan tentang tatacara menjawab soal selidik, taklimat pentadbiran kepada remaja dan ibu bapa yang terlibat dan memungut soal selidik untuk tindakan selanjutnya.

Seterusnya semua maklumat yang terkumpul akan dianalisis dengan menggunakan perisian program SPSS. Kaedah statistik yang akan digunakan untuk menganalisis data ialah:

- 1) Statistik deskriptif untuk menerangkan kekerapan, peratusan, purata maksimum, minimum dan jumlah skor bagi responden.
- 2) Statistik inferensi adalah bagi tujuan pengujian hipotesis dengan menggunakan teknik multiple regression kepada data-data dari likert scale 1 hingga 5.

### **4.0 JANGKAAN DAPATAN**

Berdasarkan daripada kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang lalu, seperti Siti Nurshahizan (2014), Zainuddin dan Norazmah (2011), Che Hasniza dan Fatimah (2011), Yahya dan Latif (2005), Bee dan Boyd (2002), dan Badrolzaman (2006), didapati jenis komunikasi yang diamalkan ada kaitannya dengan gaya asuhan ibu bapa dan seterusnya akan memberi kesan kepada tingkah laku remaja. Oleh yang demikian kajian ini juga diharapkan dapat memberi jawapan kepada persoalan di atas seterusnya dapat membantu pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam melaksanakan program seperti ini demi untuk kepentingan remaja devian dan juga ibu bapa yang terlibat.

## **5.0 KESIMPULAN**

Oleh itu, isu tingkah laku devian remaja ini perlu diberi perhatian supaya dapat diatasi dengan lebih berkesan. Sehingga kini, tidak semua ibu bapa yang jelas akan jenis-jenis gaya keibubapaan dalam mendidik anak-anak terutama anak-anak remaja. Ibu bapa perlu sedar akan batasan antara ibu bapa dan anak untuk menjamin keberkesanan gaya keibubapaan tersebut. Gaya keibubapaan yang sesuai dengan situasi yang diamalkan amat penting untuk menjamin perkembangan mental remaja dan seterusnya mengelakkan tingkah laku devian dalam kalangan remaja.

## **PENGHARGAAN**

Penyelidik ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Universiti Terbuka Malaysia kerana memberi peluang untuk melaksanakan kajian ini.

## RUJUKAN

- Abdullah Al-Hadi Mohamed. (1993). Faktor-faktor Keluarga dan Tingkah Laku Penyalahgunaan Dadah: Satu Kajian Perbandingan Antara Penyalahgunaan Dadah dan Bukan Penyalahgunaan Dadah. *Journal of Science and Humanities, Vol 1*, 41-45.
- Badrulzaman bin Baharom. (2006). *Persekitaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja di Daerah Pontian, Johor*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Bandura, A.; Walter, R. (1959). *Adolescent Aggression*. Ronald Press.
- Buerah Tinggak, Shanah Ngadi & Hamimah Abu Naim. (2015). Delinkuen Pelajar dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/ Pelajar Muslim Bersepadu. *Jurnal Hadhari*, 7(2), 2015. 11-30.
- Che Hasniza & Fatimah Yusooof. (2011). Corak Komunikasi Keluarga dalam kalangan Keluarga Melayu di Terengganu. *Jurnal Hadhari*, 3(2) (2011) 45-62.
- Clark, R.D., dan Shields, G. (1997). Family Communication and Delinquency. *Adolescence*, 32(125), 81-92.
- H. M. Abdullah Al Hadi. (1993). Faktor-Faktor Keluarga dan Tingkah Laku Penyalahgunaan Dadah: Satu Kajian Perbandingan antara Penyalahguna Dadah dengan Bukan Penyalahguna Dadah. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 1(1). pp. 41-55.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). (2013). *Hala Tuju Sektor Pembangunan Kemanusiaan. Unit Hal Ehwal Murid*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational*.
- Mahmood Nazar Mohamed. (1993). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Matevevic, M., Todorovic, J., & Jovanovic, A. D. (2014). Patters of family functioning and dimensions of parenting style. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 141, 431 – 437.
- Nur Fatin Kamaruzaman, Muhamad Ajib Abd Razak, & Fatimah Yusoooff. (2015). *Hubungan dimensi tingkah laku keibubapaan remaja terhadap kesejahteraan psikologi dalam kalangan ibu bapa*. Simposium kebudayaan dan kerjasama indonesia-malaysia 2015 (SKIM XIV 2015). 25 – 27 Mei 2015, The Everly Hotel, Putrajaya, Malaysia. ISBN: 978-983-2795-33-9

- Paulson, S. E. (1994). Relations of Parenting Style and Parental Involvement with Ninth-grade Students' Achievement. *Journal of Early Adolescence*, 14, 250-267.
- Pavalache, M. I. & Tirdia, A. F. (2015). Parental involvement and intrinsic motivation with primary school students. *Procedia-social and Behavioral Sciences*, 187, 607 – 612.
- Prinzle, P., deKovic, M., Akker, A. L. V., Haan, A. D. A., Stoltz, S. E. M. J., hendricks, A. A. J. (2012). Fathers' personality and its interaction with children's personality as predictors of perceived parenting behavior six years later. *Personality and Individual Differences*, 52, 183-189.
- Sidang Pengarang Akbar Metro. (31 Mei 2016). Penjualan Dadah Dalam Kalangan Pelajar Sekolah. Bangsar. Kuala Lumpur: The New Strait Times Press (M) Bhd.
- Siti Nurshahizan. (2014). *Gaya keibubapaan terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah*. Tesis Master, Universiti Tun Hussein Onn.
- Ummu Hany Almasitoh. (2012). Model Terapi Keluarga. *Magistra No. 80*, Th. XXIV Jun 2012.
- Utusan Malaysia, 1 April 2013.